

Daripada jurutera ke tukang besi

Redzuan Muharam

redzuan.muharam@hmetro.com.my



MOHAMAD Aliff Ahmad Zubir mencari rezeki sebagai tukang besi sejak dua tahun lalu kesan pandemik Covid-19.

Kuala Kangsar: Selepas sembilan tahun mencari rezeki sebagai jurutera, Mohamad Aliff Ahmad Zubir keluar daripada zon selesa itu dengan menjadi tukang besi bermula September 2020, semuanya kerana implikasi pandemik Covid-19.

Biarpun tiada pengalaman, Mohamad Aliff, 34, sanggup belajar dan bermula daripada bawah dengan bertanya kepada yang lebih arif termasuk menerusi laman sosial hingga mahir membuat kimpalan seperti sekarang.

Mohamad Aliff yang menetap di Taman Puncak Bougainvillea, di sini tidak berseorangan kerana selain isteri, Rafidah Abd Rahim, 34, keluarga antara yang banyak memberi galakan dan bantuan kewangan bagi menampung modal permulaan perniagaan.

"Saya tamat pengajian Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal di Universiti Sains Malaysia (USM) pada 2011 dan pada tahun sama, saya mulakan kerjaya sebagai jurutera.

"Pada awalnya, saya kerja di Kuala Lumpur namun pindah ke sini (Kuala Kangsar) selepas berkahwin dan bekerja dengan syarikat sehingga akhir 2018 sebelum jadi jurutera bebas pada tahun 2019.

"Alhamdulillah, saya berpeluang ke Indonesia, Vietnam, Filipina Hong Kong, Korea Selatan, Australia dan Filipina ketika menjadi jurutera bebas, namun cabaran datang apabila tawaran kerja serta pendapatan berkurangan ketika fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula.

"Demi kelangsungan hidup, saya ambil keputusan meneroka bidang baru dan cari rezeki sebagai tukang besi," katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Menurut Mohamad Aliff, tempahan awal diterima daripada saudara mara terdekat saja, manakala kerja pertukangan dilakukan di parkir rumah peninggalan neneknya.



MOHAMAD Aliff Ahmad Zubir tekun menyiapkan tempahan pelanggan. Katanya, dengan bantuan keluarga termasuk adik beradik, dia mengubah suai ruang parkir itu menjadi bengkel pertukangan yang lengkap dan terhindar daripada panas dan hujan.

"Saya tiada asas, namun bersyukur kerana ramai membantu. Alhamdulillah, kini saya sudah ada pelanggan daripada luar dan banyak juga tempahan masuk, tetapi ada yang terpaksa saya tolak kerana tidak upaya buat seorang diri."

"Sebelum ini saya ada pekerja, namun mereka sukar beri komitmen hingga akhirnya saya terpaksa bergerak sendiri," katanya.

Dia juga mengakui tidak mudah untuk menyesuaikan diri dengan pekerjaan baharu itu tetapi menganggapnya sebagai proses kehidupan yang perlu dilalui sama ada suka maupun tidak.

"Tipu kalau saya katakan tidak pernah berputus asa, lebih-lebih lagi dengan kerja yang berat dan penat ditanggung kerana buat sendiri."

"Sampai satu tahap, saya terfikir apakah berbaloi apa yang dilakukan memandangkan harga besi juga naik. Jadi serba salah rasanya untuk letak harga kerana jika rendah, akan rugi dan seandainya mahal, apa pula kata pelanggan."

"Selain itu, dari segi pendapatan pula jauh lebih rendah berbanding ketika menjadi jurutera, namun ia mengajar saya untuk lebih berjimat dan menyimpan wang sebagai persediaan jika ada kecemasan," katanya.

Mohamad Aliff yang memuat naik video kisah kerjayanya di TikTok berkata, perkongsian itu sekadar untuk memberi inspirasi kepada orang luar terutama mereka yang senasib dengan saya untuk bangkit dan tidak berputus asa.



GAMBAR kenangan Mohamad Aliff Ahmad Zubir ketika menjadi jurutera

Disiarkan pada: April 27, 2022 @ 2:42pm